

27.4.2019

## KENYATAAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

## **PBAPP BERUSAHA MENCAPAI JAMINAN AIR BAGI PULAU PINANG SEHINGGA 2050**

### **Projek-projek utama**

- **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)**
- **Saluran Paip Dasar Laut Berkembar Ketiga Butterworth ke Pulau Pinang**
- **Menaik taraf 9 Loji Rawatan Air Sedia Ada**

PULAU PINANG, Sabtu, 27.4.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menyambut ulang tahun ke-20 perkhidmatannya bagi Pulau Pinang pada tahun 2019 dengan melaksanakan projek-projek untuk memastikan negeri ini mempunyai air yang mencukupi sehingga tahun 2050.

Sejak pengkorporatannya pada tahun 1999, PBAPP telah mencari jalan, merancang dan bertindak lebih awal. Kami sentiasa memastikan bahawa Pulau Pinang mempunyai akses kepada lebih banyak air daripada yang diperlukan.

Justeru, pada tahun 2019, kami telah melaksanakan projek-projek untuk masa depan; projek yang akan membantu Pulau Pinang menjamin bekalan air sehingga Tahun 2050.

### **Projek-projek utama bagi Masa Hadapan**

Dalam tempoh 2019 – 2021, PBAPP merancang melabur sebanyak RM501 juta dalam projek bekalan air untuk masa depan. 3 projek utama adalah:

- Saluran Paip Dasar Laut Berkembar Ketiga Butterworth ke Pulau Pinang  
Projek ini terdiri daripada saluran paip dasar laut berkembar berdiameter 1200mm yang membolehkan PBAPP membekalkan 315

juta liter sehari (MLD) air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Prai ke Pulau Pinang.

- Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)  
Pulau Pinang telah terlalu lama bergantung kepada hanya satu sumber air mentah utama, Sungai Muda. Pulau Pinang perlu meneroka sumber air mentah kedua untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan selepas tahun 2025. SPRWTS akan dilaksanakan dalam 4 fasa sehingga Tahun 2040, dengan pengeluaran keseluruhan 1,000 MLD.
- Menaik taraf 9 Loji Rawatan Air Sedia Ada  
Adalah lebih murah dan lebih baik untuk menaik taraf loji rawatan air di Pulau Pinang daripada membina loji rawatan air baru. PBAPP akan mengoptimumkan pengeluaran air terawat untuk melengahkan masa, sehingga SPRWTS dimulakan.

Pada masa yang sama, PBAPP juga akan meneruskan pemasangan saluran paip baru untuk membekalkan air ke semua kawasan pertumbuhan baru di Pulau Pinang.

### **Rasional: Projek demi Masa Hadapan**

Penggunaan air di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 56.7%, daripada 536 MLD pada tahun 1999 kepada 840 MLD pada 2018.

Jumlah pengguna air berdaftar di Pulau Pinang meningkat sebanyak 82%, daripada 338,523 pengguna pada tahun 1999 kepada 616,082 pengguna pada tahun 2018.

Penggunaan domestik per kapita meningkat sebanyak 9%, dari 255 liter per kapita sehari (l/k/h) pada tahun 1999 kepada 278 l/k/h pada tahun 2018.

Sementara itu, “Kajian Pelan Induk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang sehingga 2050” menjangkakan permintaan air akan meningkat kepada 1,884 MLD pada tahun 2050.

PBAPP perlu membuat pelaburan jutaan ringgit dalam infrastruktur bekalan air bagi meminimumkan risiko krisis air pada masa hadapan. Ingatlah bahawa keutamaan kami ialah “tiada catuan air dalam apa cara sekalipun”.



Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)